



KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI

NO. 1 TAHUN 2023

GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL:

**PENUBUHAN JAWATANKUASA TATAKELOLA DI PERINGKAT
PERSEKUTUAN, NEGERI DAN KEMENTERIAN/JABATAN/
AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

5 DISEMBER 2023

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI

NO. 1 TAHUN 2023

GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL:

**PENUBUHAN JAWATANKUASA TATAKELOLA DI PERINGKAT
PERSEKUTUAN, NEGERI DAN KEMENTERIAN/JABATAN/
AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

KANDUNGAN

- 1. Tujuan**
- 2. Latar Belakang**
- 3. Tafsiran**
- 4. Objektif Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional**
- 5. Peranan dan Tanggungjawab Pemimpin dan Ketua**
- 6. Terma Rujukan**
- 7. Struktur dan Mekanisme**
- 8. Fokus Keberhasilan Utama**
- 9. Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN)**
- 10. Keanggotaan Jawatankuasa Kerja kepada JKKTN**
- 11. Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional**
- 12. Pasukan Khas Perunding (PKP) JTK Peringkat Nasional**
- 13. Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian**
- 14. Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab JTK Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan**
- 15. Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab JTK Peringkat Kerajaan Negeri**
- 16. Laporan Maklum Balas JTK**
- 17. Mekanisme Pelaksanaan**
- 18. Pelaksanaan Arahan**

19. Pembatalan

20. Penutup

21. Tarikh Kuat Kuasa

22. Lampiran A:

Struktur Aliran Pelaksanaan Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional

23. Lampiran B:

Format Laporan Maklum Balas JTK

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkuuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) yang menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) bagi memastikan tindakan segera, berfokus dan lebih berkesan dapat diambil dalam menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang boleh menyebabkan ketirisan wang Kerajaan, pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sistem pentadbiran Kerajaan berteraskan tatakelola baik melalui prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan keberkesanan merupakan agenda utama Kerajaan bagi mewujudkan pentadbiran Kerajaan yang cekap, berdisiplin dan berintegriti tinggi.
- 2.2 Sejak ditubuhkan pada tahun 1998 sehingga kini, gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan sentiasa komited terhadap usaha-usaha pencegahan dan pembanterasan sebarang bentuk salah guna kuasa, konflik kepentingan, gejala rasuah dan penyelewengan melalui pembangunan dan penambahbaikan perundangan, dasar, sistem dan prosedur kerja, pengukuhan nilai-nilai murni dan etika serta memperkemas mekanisme kawalan dalaman.
- 2.3 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023 telah bersetuju supaya keanggotaan dan terma rujukan bagi JKKMAR yang ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 yang berkuatkuasa pada 5 Oktober 2018 dikaji semula supaya:

- (i) tidak berlaku pertindihan di antara fungsi JKKMAR dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain; dan
 - (ii) fokus JKKMAR dapat ditumpukan dengan lebih berkesan terhadap usaha-usaha membanteras jenayah rasuah. Ini kerana peranan dan tanggungjawab JKKMAR kini tidak hanya terhad kepada membanteras perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan malah turut meliputi pengukuhan tatakelola baik.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 Bil. 1 Tahun 2023 yang diadakan pada 6 Julai 2023 telah bersetuju supaya peranan JKKMAR diperkasa dan dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) yang akan menjadi platform pengamalan prinsip tatakelola yang diambil kira dalam perancangan dan pembangunan dasar serta pelaksanaan inisiatif/program oleh semua agensi di sektor awam. JKKTN juga akan diperkasa untuk meneliti isu-isu kelemahan tatakelola melibatkan badan berkanun, subsidiari dan entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan.
- 2.5 Sebagaimana tumpuan dasar yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 atau KSP RMKe-12 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 11 September 2023 yang lalu, Kerajaan akan menumpukan terhadap usaha pengukuhan kemampanan dan tatakelola dengan memperkenalkan dua anjakan utama iaitu tatakelola rangka kerja institusi dan perundangan berkaitan rasuah. Sehubungan dengan itu, kecekapan penyampaian perkhidmatan awam perlu dipertingkatkan, sementara isu melibatkan tatakelola serta koordinasi perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh jawatankuasa ini.

- 2.6 Berikut dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional, Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan, Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi di Peringkat Persekutuan akan digantikan dengan Jawatankuasa Tatakelola (JTK).
- 2.7 Pemerkaaan fungsi jawatankuasa ini dibuat supaya agensi-agensi Kerajaan dapat meningkatkan pengurusannya secara menyeluruh dan sistematik, berteraskan kepada prinsip tatakelola baik dalam usaha mengekang pembaziran, ketirisan wang Kerajaan, penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah di sektor awam bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- 2.8 Selaras dengan ketetapan ini, Arahan ini menetapkan supaya semua Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Perkhidmatan, Ketua Jabatan dan Ketua Agensi Persekutuan memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan gerakan pemantapan tatakelola ini secara berkesan melalui JTK di peringkat masing-masing.

3. TAFSIRAN

Tatakelola sektor awam merangkumi:

- (i) tatacara seorang Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Eksekutif dan pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, bertanggungjawab dan berhemat dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian hasil;
- (ii) struktur, termasuk budaya, dasar dan strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan; dan

- (iii) proses bagaimana agensi awam diarah, dikawal dan dipertanggungjawab untuk melaksanakan objektif seperti yang telah dipersetujui.

4. OBJEKTIF GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL

4.1 Gerakan pemantapan tatakelola nasional merupakan wadah dalam mencapai objektif ke arah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Prinsip tatakelola baik seperti kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterangkuman diberi penekanan bagi meningkatkan kualiti sektor awam serta memastikan perkhidmatan awam disampaikan dengan lebih berintegriti. Usaha mencapai objektif ini dilaksanakan melalui penubuhan dua jawatankuasa penggerak utama iaitu:

- (i) Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN); dan
- (ii) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional.

4.2 Objektif penubuhan JKKTN dan JTK Peringkat Nasional adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam melalui pengukuhan tatakelola yang merangkumi rangka kerja institusi serta perundangan berkaitan rasuah; dan
- (ii) mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi berlandaskan prinsip-prinsip seperti jujur, amanah, telus serta bertanggungjawab dalam bidang pengurusan belanjawan dan projek, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia serta penguatkuasaan undang-undang.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN DAN KETUA

- 5.1 Komitmen daripada pemimpin-pemimpin termasuk anggota pentadbiran, ketua-ketua perkhidmatan serta pengurusan tertinggi kementerian, Kerajaan Negeri serta jabatan dan agensi adalah penting bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan gerakan pemantapan tatakelola nasional.
- 5.2 Sikap dan tanggungjawab yang ditonjolkan oleh setiap pemimpin dan ketua di peringkat kementerian, Kerajaan Negeri serta jabatan dan agensi dalam usaha memperkuuh tatakelola di organisasi masing-masing menjadi teras utama dan penentu kepada kejayaan dalam usaha gerakan pemantapan tatakelola nasional yang komprehensif, sistematik dan menyeluruh.
- 5.3 Pemimpin dan ketua perkhidmatan hendaklah menerajui serta menyokong setiap usaha organisasi untuk meningkatkan amalan tatakelola baik melalui pelaksanaan terma rujukan yang ditetapkan dalam Arahan ini. Selain itu, pemimpin, ketua dan pengurusan tertinggi organisasi hendaklah:
 - (i) memastikan hasil daripada laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dalaman, usaha penambahbaikan tatakelola serta prestasi pelaksanaannya dilaporkan di Mesyuarat JTK peringkat organisasi masing-masing; dan
 - (ii) mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan JTK atau isu dan kelemahan tatakelola yang bersifat generik atau berulang berserta cadangan penambahbaikan kepada urus setia JTK Peringkat Nasional sebelum diangkat kepada JKKTN untuk pertimbangan dasar.

6. TERMA RUJUKAN

Empat terma rujukan bagi Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional adalah seperti berikut:

6.1 Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang

Mengenal pasti, mengkaji, memperkemas serta memperaku pindaan-pindaan yang diperlukan ke atas dasar, undang-undang dan peraturan kementerian, Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi Kerajaan yang mempunyai kelemahan dan/atau memerlukan penambahbaikan tatakelola termasuk pengukuhan institusi.

Huraian:

Pertimbangan dan perakuan yang dibuat perlulah berlandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) meningkatkan kebertanggungjawaban;
- (ii) ketelusan;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) mengurangkan risiko konflik kepentingan;
- (v) menjimatkan sumber;
- (vi) peruntukan undang-undang yang mencukupi; dan
- (vii) mengurangkan kerentan birokrasi.

6.2 Sistem dan Prosedur Kerja

6.2.1 Mengenal pasti, mengkaji serta memperaku apa-apa kelemahan atau perubahan terhadap sistem dan prosedur kerja sesuatu aktiviti di kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi Kerajaan melalui penilaian risiko yang dilaksanakan secara berkala. Ini bertujuan untuk meningkatkan

kebertanggungjawaban, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan organisasi; dan

- 6.2.2 Perakuan yang dibuat juga hendaklah dapat mencegah serta menutup ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Huraian:

Prinsip-prinsip yang diambil kira dalam merangka semula sistem dan prosedur kerja adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai kaedah semakan dan kawalan sistem;
- (ii) mengurangkan penompokan kuasa selaras dengan undang-undang sedia ada;
- (iii) mengehadkan kuasa budi bicara;
- (iv) sistem dan prosedur yang ringkas dan telus; dan
- (v) penggunaan teknologi maklumat dan pendigitalan, iaitu dengan menerapkan ciri-ciri prinsip ketelusan sistem aplikasi dan perkhidmatan digital.

6.3 Pemantauan dan Penilaian

- 6.3.1 Memantau dan menganalisis laporan-laporan berkaitan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan/atau peraturan bagi tujuan pengukuhan kawalan dalaman;
- 6.3.2 Menilai keupayaan dan keberkesanan pelaksanaan suatu undang-undang dan peraturan, kaedah kawalan dalaman serta kaedah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan; dan

6.3.3 Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan.

Huraian:

Pemantauan dan penilaian hendaklah dibuat berdasarkan kepada laporan-laporan yang perlu dikemukakan kepada JTK Peringkat Nasional, antaranya seperti berikut:

- (i) Laporan isu-isu/statistik kes-kes tatatertib berhubung dengan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (ii) Laporan terpilih berkenaan kes-kes daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN);
- (iii) Laporan statistik kes rasuah melibatkan pegawai badan awam;
- (iv) Laporan berkenaan pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
- (v) Laporan daripada Unit Integriti (UI) kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi/badan berkanun;
- (vi) Laporan daripada Unit Integriti dan Governans (IGU) Badan Berkanun; dan
- (vii) Laporan-laporan lain yang berkaitan.

6.4 Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik

6.4.1 Mengkaji dan menilai keberkesanan mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam;

6.4.2 Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola baik yang merangkumkan pengurusan organisasi

dan pembangunan insan bagi menjadikan amalan nilai sebagai budaya kerja perkhidmatan awam; dan

- 6.4.3 Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan latihan dan komunikasi strategik bagi mempromosi usaha-usaha Kerajaan berhubung pemantapan tatakelola perkhidmatan awam.

Huraian:

Kajian dan penilaian mekanisme tatakelola dan pembudayaan nilai perkhidmatan awam hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Nasional.

7. STRUKTUR DAN MEKANISME

- 7.1 Pelaksanaan gerakan pemantapan tatakelola nasional melibatkan penubuhan dua jawatankuasa utama yang bertindak sebagai penggerak dan diikuti dengan dua jawatankuasa lain sebagai perunding iaitu:
- (i) Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN);
 - (ii) Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional;
 - (iii) Jawatankuasa Kerja kepada JKKTN; dan
 - (iv) Pasukan Khas Perunding (PKP) JTK Peringkat Nasional.
- 7.2 Jawatankuasa Kerja kepada JKKTN ditubuhkan untuk memberi khidmat nashiat kepada JKKTN seperti berikut:
- (i) Mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan kelemahan tatakelola dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan;

- (ii) Menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mengkaji sesuatu isu atau masalah yang dikenal pasti dengan lebih mendalam dan menyediakan kertas-kertas kerja yang berkaitan; dan
 - (iii) Menapis kertas-kertas kerja yang akan dibentangkan di Mesyuarat JKKTN.
- 7.3 Pasukan Khas Perunding (PKP) ditubuhkan untuk membantu JTK Nasional dalam membuat analisis, penghuraian dan mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian terhadap isu-isu dan masalah-masalah yang dibangkitkan dalam laporan maklum balas JTK Nasional di peringkat persekutuan dan negeri.
- 7.4 Untuk memastikan usaha bersepada dapat digerakkan dengan lebih menyeluruh dan berkesan, PKP boleh meminta mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan, badan-badan akademik atau pertubuhan untuk turut serta dalam membincangkan sesuatu isu atau masalah yang menyentuh fungsi atau bidang kepakaran mereka. Adalah diharapkan dengan adanya penglibatan pelbagai pihak, isu-isu berhubung tatakelola dapat dikupas, diteliti dan diselesaikan secara lebih bersepada.
- 7.5 Arahan ini juga menetapkan supaya:
- (i) Ketua Setiausaha Kementerian menujuhkan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian;
 - (ii) Setiausaha Kerajaan Negeri menujuhkan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri; dan
 - (iii) Ketua Jabatan/Agenzi Persekutuan menujuhkan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Jabatan/Agenzi Persekutuan.

8. FOKUS KEBERHASILAN UTAMA

Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) akan memberi fokus kepada tiga keberhasilan utama iaitu:

- (i) mengukuhkan mekanisme semak dan imbang dalam Kerajaan;
- (ii) memantapkan sistem kawalan dalaman pentadbiran Kerajaan; dan
- (iii) meningkatkan imej dan persepsi negara berhubung tatakelola baik dan integriti.

9. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KHAS KABINET TATAKELOLA NASIONAL (JKKTN)

9.1 Keanggotaan

| | | |
|-------------------|---|---|
| Pengerusi | : | YAB Perdana Menteri |
| Setiausaha | : | Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM |
| Urus Setia | : | Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM |

Ahli-ahli

- (i) Timbalan Perdana Menteri
- (ii) Menteri Persekutuan (tertakluk kepada keperluan semasa)
- (iii) Ketua Setiausaha Negara
- (iv) Peguam Negara
- (v) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- (vi) Ketua Audit Negara
- (vii) Ketua Pesuruhjaya SPRM
- (viii) Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- (ix) Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional, SPRM
- (x) Ahli-ahli lain (tertakluk kepada keperluan semasa)

9.2 Kekerapan Mesyuarat JKKTN

Mesyuarat JKKTN perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan Mei, September dan Disember setiap tahun.

9.3 Peranan dan Tanggungjawab JKKTN

- (i) Memperaku, menimbang dan meluluskan syor-syor cadangan penyelesaian bagi pembangunan dan penambahbaikan institusi, dasar dan perundungan berhubung usaha pemantapan tatakelola, pengukuhan integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan berdasarkan, antaranya:
 - (a) **Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)** berhubung isu-isu kelemahan tatakelola berulang serta cadangan penambahbaikan;
 - (b) **Laporan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional** berhubung sebarang penyelewengan dan risiko penyalahgunaan kuasa serta aspek ketidakpatuhan terhadap peraturan Kerajaan yang dikesan dalam sektor awam dan badan berkanun serta langkah penambahbaikan yang dilaksanakan; dan
 - (c) **Laporan Badan Berkanun** melibatkan isu-isu tatakelola serta sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang dapat dikesan di badan berkanun serta mencadangkan langkah penyelesaian.
- (ii) Mempertimbang syor ke atas keputusan-keputusan dasar melibatkan skop:
 - (a) cadangan untuk memperkuuh pentadbiran Kerajaan dan sektor awam dengan berteraskan prinsip tatakelola baik yang menekankan prinsip

ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan keberkesanan;

- (b) cadangan untuk melaksanakan tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu serta kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dan ketidakpatuhan ke atas perundangan dan peraturan Kerajaan; dan
 - (c) menyelesaikan isu-isu tatakelola merentasi agensi secara proaktif yang dikenal pasti berdasarkan kelemahan umum dan berulang yang menyebabkan ketirisan dana Kerajaan, pembaziran dana awam dan risiko rasuah berdasarkan laporan-laporan oleh agensi seperti Jabatan Audit Negara (JAN), Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).
- (iii) Mengemukakan sebarang cadangan pemantapan tatakelola kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sekiranya terdapat isu-isu semasa yang memerlukan perhatian dan tindakan segera dan/atau Mesyuarat JKKTN tidak dapat bersidang dalam tempoh masa yang ditetapkan.

10. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KERJA KEPADA JKKTN

| | |
|------------------------|---|
| Pengerusi | : Ketua Pesuruhjaya SPRM |
| Pengerusi Ganti | : Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM |
| Urus Setia | : Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM |

Ahli-ahli adalah wakil daripada:

- (i) Jabatan Peguam Negara
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam
- (iii) Kementerian Kewangan
- (iv) Jabatan Audit Negara
- (v) Jabatan/Agensi lain yang difikirkan perlu

11. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT NASIONAL

11.1 Keanggotaan

| | |
|------------------------|---|
| Pengerusi | : Ketua Setiausaha Negara |
| Pengerusi Ganti | : (ditentukan oleh Pengerusi untuk menjalankan fungsi Pengerusi dalam keadaan Pengerusi mempunyai kekangan dalam menjalankan fungsinya atau dalam tempoh apa-apa kekosongan seperti yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri) |
| Setiausaha | : Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA), SPRM |
| Urus Setia | : Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA), SPRM |

Ahli-ahli

- (i) Peguam Negara
- (ii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- (iii) Ketua Audit Negara
- (iv) Ketua Pesuruhjaya SPRM
- (v) Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- (vi) Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- (vii) Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
- (viii) Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM
- (ix) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

11.2 Peranan dan Tanggungjawab JTK Peringkat Nasional

- (i) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKKTN;
- (ii) Memutuskan langkah penyelesaian berdasarkan penelitian ke atas isu-isu kelemahan tatakelola yang dikenal pasti oleh JTK Peringkat Nasional di peringkat kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi berdasarkan kepada laporan audit dan laporan-laporan daripada pihak berkuasa lain yang berkaitan. Hasil daripada penelitian tersebut, sekiranya perlu, PKP yang ditentukan ahli-ahlinya oleh JTK Peringkat Nasional ditubuhkan untuk menjalankan kajian dan mengemukakan langkah penyelesaian yang holistik merentasi kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi;
- (iii) Menentukan isu-isu generik berimpak tinggi dan berkepentingan awam serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan penambahbaikan kepada JKKTN;

- (iv) Mempertimbang langkah-langkah penyelesaian dan penambahbaikan terus kepada JTK Peringkat Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi yang perlu dipatuhi oleh kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi, yang mana pada pandangan JTK Peringkat Nasional tidak perlu dirujuk kepada JKKTN. Walau bagaimanapun, langkah penyelesaian yang telah diputuskan di JTK Peringkat Nasional hendaklah dilaporkan kepada JKKTN;
- (v) Mengenal pasti dan memutuskan tindakan pencegahan serta pemulihan bagi mengatasi isu-isu kelemahan tatakelola; dan
- (vi) Melaksanakan naziran berhubung isu dan kelemahan tatakelola di kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi berdasarkan keperluan untuk dilaporkan di Mesyuarat JTK Peringkat Nasional.

11.3 Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat JTK Peringkat Nasional perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan April, Ogos dan November setiap tahun.

12. PASUKAN KHAS PERUNDING (PKP) JTK PERINGKAT NASIONAL

- 12.1 PKP berperanan untuk membantu JTK Peringkat Nasional dalam membuat analisis, penghuraian dan mengemukakan cadangan penyelesaian terhadap isu dan kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Maklum Balas JTK Peringkat Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi.
- 12.2 PKP JTK Peringkat Nasional ditubuhkan atas keperluan berdasarkan penelitian terhadap isu dan kelemahan tatakelola yang dikenal pasti oleh JTK Peringkat Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi. Isu dan

kelemahan yang dikenal pasti adalah berdasarkan kepada laporan audit dan laporan-laporan daripada pihak berkuasa lain yang berkaitan.

- 12.3 PKP JTK Peringkat Nasional berperanan menjalankan kajian dan mengemukakan langkah penyelesaian yang holistik merentasi kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi sekiranya perlu.
- 12.4 Ahli-ahli PKP JTK Peringkat Nasional ditentukan oleh JTK Peringkat Nasional berdasarkan isu yang dikenal pasti dan diselaraskan oleh BUTSA, SPRM sebagai urus setia JTK Peringkat Nasional.
- 12.5 PKP JTK Peringkat Nasional boleh meminta mana-mana jabatan/agensi/badan akademik/pertubuhan untuk turut serta membincangkan sesuatu isu atau masalah yang menyentuh fungsi atau bidang kepakaran mereka. Ini bagi memastikan dengan adanya penglibatan daripada pelbagai pihak, maka, isu dan kelemahan berhubung tatakelola dapat dikupas, diteliti serta diselesaikan secara lebih bersepadu.

13. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT KEMENTERIAN

13.1 Keanggotaan

| | | |
|------------------------|---|----------------------------------|
| Pengerusi | : | Ketua Setiausaha Kementerian |
| Pengerusi Ganti | : | Timbalan Ketua Setiausaha |
| Setiausaha | : | Ketua Unit Integriti Kementerian |
| Urus Setia | : | Unit Integriti (UI) Kementerian |

Ahli-ahli

- (i) Semua Setiausaha Bahagian
- (ii) Ketua Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di bawah kementerian

- (iii) Penasihat Undang-undang
- (iv) Pegawai Komunikasi Korporat
- (v) Pegawai Unit Audit Dalam
- (vi) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

13.2 Kekerapan Mesyuarat JTK Kementerian

Mesyuarat JTK Kementerian perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan Mac, Julai dan Oktober setiap tahun.

13.3 Peranan dan Tanggungjawab JTK Kementerian

- (i) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKKTN di peringkat kementerian termasuk jabatan/agensi/badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian;
- (ii) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (iii) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK Peringkat Nasional.

14. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN

14.1 Keanggotaan

| | | |
|------------------------|---|--|
| Pengerusi | : | Ketua Jabatan/Agensi |
| Pengerusi Ganti | : | Timbalan Ketua Jabatan/Agensi |
| Setiausaha | : | Ketua Unit Integriti Jabatan/Agensi |
| Urus Setia | : | Unit Integriti (UI) Jabatan/Agensi Persekutuan |

Ahli-ahli

- (i) Pengarah atau Ketua setiap bahagian dalam jabatan/agensi
- (ii) Penasihat/Pegawai Undang-undang (jika ada)
- (iii) Pegawai Unit Audit Dalam (jika ada)
- (iv) Pegawai Komunikasi Korporat (jika ada)
- (v) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

14.2 Kekerapan Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi Persekutuan

Mesyuarat JTK Jabatan/Agensi Persekutuan perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan Februari, Jun dan September setiap tahun.

14.3 Peranan dan Tanggungjawab JTK Jabatan/Agensi Persekutuan

- (i) Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKKTN/JTK Peringkat Nasional bagi pelaksanaannya di peringkat jabatan/agensi persekutuan;
- (ii) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (iii) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK Peringkat Kementerian.

15. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT KERAJAAN NEGERI

15.1 Keanggotaan

- Pengerusi** : Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengerusi Ganti : (ditentukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri)
Setiausaha : Ketua Unit Integriti Kerajaan Negeri

Ahli-ahli

- (i) Pegawai Kewangan Negeri
- (ii) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (yang berkaitan)
- (iii) Penasihat Undang-undang Negeri
- (iv) Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
- (v) Pegawai Daerah (Semenanjung/Sabah) dan Residen (Sarawak)
- (vi) Pengarah SPRM Negeri
- (vii) Pengarah Audit Negeri
- (viii) Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri
- (ix) Ahli-ahli lain mengikut keperluan

15.2 Kekerapan Mesyuarat JTK Negeri

Mesyuarat JTK Negeri perlu diadakan tiga kali setahun pada bulan Mac, Julai dan Oktober setiap tahun.

15.3 Peranan dan Tanggungjawab JTK Peringkat Kerajaan Negeri

- (i) Menyarankan dan memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK Peringkat Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan di peringkat daerah, residen (Sarawak), jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri;
- (ii) Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan tatakelola berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (iii) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan tatakelola kepada JTK Peringkat Nasional.

16. LAPORAN MAKLUM BALAS JAWATANKUASA TATAKELOLA

16.1 Semua Pengerusi JTK dan Ketua Jabatan dikehendaki mengadakan mesyuarat masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam masa empat bulan dan melaporkan isu serta status tindakan mereka berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan kepada JTK di peringkat yang lebih tinggi dengan mekanisme pelaporan dan pemantauan seperti berikut:

16.1.1 Peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan

- (i) JTK Peringkat Jabatan/Agenzi Persekutuan dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas masing-masing kepada JTK Peringkat Kementerian; dan
- (ii) JTK Peringkat Kementerian dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas masing-masing setiap empat bulan sekali iaitu sebelum atau pada minggu keempat bulan Mac, Julai dan Oktober kepada urus setia JTK Peringkat Nasional.

16.1.2 Peringkat Kerajaan Negeri

- (i) Ketua Jabatan di peringkat daerah/jabatan/agensi di peringkat negeri dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas isu serta status tindakan mereka ke atas keputusan JTK Peringkat Kerajaan Negeri masing-masing kepada urus setia JTK Peringkat Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh Mesyuarat JTK Peringkat Kerajaan Negeri diadakan; dan

- (ii) JTK Peringkat Kerajaan Negeri dikehendaki mengemukakan laporan maklum balas jawatankuasa masing-masing setiap empat bulan sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan April, Ogos dan November kepada urus setia JTK Peringkat Nasional.
- 16.2 Bagi mana-mana kementerian/Kerajaan Negeri/jabatan/agensi yang tidak mempunyai Ketua Unit Integriti hendaklah melantik Pegawai Penyelaras JTK dan mengemukakan laporan maklum balas JTK kepada JTK Kementerian/Kerajaan Negeri untuk diangkat ke JTK Peringkat Nasional.
- 16.3 Semua urus setia JTK Peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri perlu membuat analisis terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh JTK Peringkat Jabatan/Agensi sebelum laporan maklum balas dikemukakan kepada urus setia JTK Peringkat Nasional.
- 16.4 Struktur Aliran Pelaksanaan JTK ini adalah seperti di **Lampiran A**.
- 16.5 Format laporan maklum balas JTK kepada JTK Peringkat Nasional adalah seperti di **Lampiran B**.

17. MEKANISME PELAKSANAAN

- 17.1 Bagi menentukan pemakaian, pelaksanaan dan pematuhan terhadap Arahan ini, maka Pengerusi JTK iaitu Ketua Setiausaha Kementerian dan/atau Ketua Pengarah hendaklah mengedarkan Arahan ini kepada agensi di bawah kuasa dan kawalan masing-masing.
- 17.2 Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian Arahan ini dipanjangkan

kepada semua perkhidmatan awam negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

18. PELAKSANAAN ARAHAN

- 18.1 Bermula dari tarikh penguatkuasaan Arahan ini, kesemua tindakan yang sebelum ini dilaksanakan melalui arahan dan pekeliling di bawah adalah terbatal:
- (i) **Siri 3 No. 2 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000**
Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan Program-program Nilai Murni.
- (ii) **Siri 4 No. 3 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000**
Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.
- (iii) **Siri 7 No. 1 Tahun 2007 bertarikh 6 Februari 2007**
Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Perkhidmatan Awam.
- 18.2 Walau bagaimanapun, beberapa siri arahan termasuk yang dikeluarkan di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 masih terpakai iaitu:
- (i) **Siri 2 No. 1 Tahun 2000 bertarikh 20 April 2000**
Gerakan Pemantapan Sistem Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan dan Program Nilai Murni.

- (ii) **Siri 5 No. 4 Tahun 2000 bertarikh 15 Disember 2000**
Tindakan Susulan Yang Perlu Diambil oleh YB Menteri berhubung Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Siri 35 Bil. 3 Tahun 2000 Yang Telah Dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.
- (iii) **Siri 1 No. 1 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011**
Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah.
- (iv) **Siri 1 No. 1 Tahun 2018 bertarikh 5 Oktober 2018**
Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang Dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di bawah Kerajaan Negeri.
- (v) **Siri 2 No. 1 Tahun 2019 bertarikh 29 Mac 2019**
Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.
- (vi) **Siri 3 No. 2 Tahun 2019 bertarikh 14 Mei 2019**
Had-had Keterlibatan Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan, Termasuk di Negeri.
- (vii) **Siri 3 No. 1 Tahun 2021 bertarikh 24 Mac 2021**
Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam.

19. PEMBATALAN

Bermula dari tarikh penguatkuasaan Arahan ini, kesemua tindakan yang sebelum ini dilaksanakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan adalah terbatal kecuali yang dinyatakan dalam perenggan 18.2.

20. PENUTUP

Penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memantapkan tatakelola dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia. Sehubungan itu, tindakan-tindakan yang dihuraikan dalam Arahan ini perlu dilaksanakan dengan penuh komited dan berterusan bagi mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mengamalkan integriti yang tinggi berlandaskan prinsip-prinsip tatakelola terbaik ke arah kesejahteraan rakyat.

21. TARIKH KUAT KUASA


Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh dokumen dikeluarkan.



Anwar Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia
5 Disember 2023

LAMPIRAN A

STRUKTUR ALIRAN PELAKSANAAN GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL



LAMPIRAN B

LAPORAN MAKLUM BALAS JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) NASIONAL

| KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI: | | | |
|---|---|---|--------------------------|
| Bahagian I: (sekiranya terdapat isu tatakelola yang generik/berulang/merentasi pelbagai sektor yang perlu diberikan perhatian) | | | |
| BIL. | ISU/ PERKARA BERBANGKIT | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA/CADANGAN PENYELESAIAN TATAKELOLA | STATUS TINDAKAN |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| Bahagian II: (bagi perkongsian amalan terbaik berhubung penambahbaikan tatakelola yang dilaksanakan) | | | |
| BIL. | USAHA PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA YANG TELAH DILAKSANAKAN | ISU YANG TELAH DISELESAIKAN | MANFAAT/ KEBERHASILAN |
| | | | |
| | | | |
| | | | |